



RENCANA

ARKIB : 24/09/1998

### Memperkasa kepimpinan pengetua

PADA abad ke-21, kita akan dapat melihat seorang pengetua yang muda, bukan lagi guru paling senior yang telah beruban rambutnya yang biasa dilihat pada hari ini.

Pengetua masa depan ialah guru-guru yang terpilih dan kemudian dilatih dengan teori dan amali kepengetuaan, supaya akhirnya nanti mampu menjadi pemimpin dan bukan sekadar pentadbir sekolah.

Pemilihan pengetua di kalangan guru paling kanan yang menjadi antara faktor pelantikan sebagaimana amalan sekarang tidak lagi relevan.

Pengetua masa depan ialah mereka yang memiliki ciri-ciri dan kemahiran tertentu, yang prosesnya dibuat melalui latihan dan bukannya melalui pengalaman mengajar di kelas semata-mata. Mereka adalah kalangan guru-guru terpilih yang pada umur awal 30-an lagi sudah dilatih dan didedahkan dengan pelbagai aspek sistem pendidikan negara.

Soal memperkasa kepimpinan pengetua inilah yang dibincangkan oleh 250 pengetua dalam Persidangan Pengurusan Pendidikan Pengetua Sekolah Menengah di Taman Negara Resort (TNR), Kuala Tahan baru-baru ini.

Persidangan kelolaan Persatuan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah (PKPSM) yang mewakili 1,565 pengetua, mencapai kata sepakat meluluskan resolusi menyokong langkah Kementerian Pendidikan supaya guru dilatih dahulu sebelum dilantik sebagai pengetua. Resolusi ini bertepatan dengan tema persidangan ke-37 persatuan tersebut iaitu *Memperkasa Kepimpinan Pendidikan Ke Arah Sekolah Berkesan*.

"Sebenarnya tidak ada masalah dengan sistem pelantikan sekarang, tetapi kita sedang hadapi alaf baru, pada abad ke-21 macam-macam kemahiran, nak pakai multimedia dan komputer. Bukan orang macam kita yang perlu ada pada abad itu, orang macam saya dah pencen masa itu," ujar Yang Dipertua PKPSM, Mohd. Taib Hussin yang juga Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampangan, Seremban berseloroh.

Mohd. Taib menjelaskan, pengetua yang lebih berkesan peranannya perlu dilatih di mana mereka kemudiannya mampu membuat anjakan paradigma terhadap sebarang perubahan dengan lebih cepat dan pantas.

Katanya, latihan awal merupakan cara terbaik, jika kementerian mahu melahirkan seorang pengetua yang benar-benar mencapai tahap cemerlang.

"PKPSM sambut baik cara lantikan pengetua yang baru ini, kita tidak ada iri hati terhadap cara ini," ujarnya yang juga merupakan antara lapan orang pengetua berstatus cemerlang di negara ini.

Sehubungan itu, mengikut perancangan, peranan Institut Aminuddin Baki (IAB) akan diperluaskan untuk memenuhi tuntutan tersebut.

Program latihan kepengetuaan yang baru dijadualkan bermula akhir tahun ini dengan kerjasama sebuah universiti tempatan.

Kursus itu, sebagaimana yang digariskan oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak akan menjurus untuk memastikan pengetua memiliki ciri atau kemahiran tertentu.

Najib telah menggariskan lima ciri atau kemahiran utama yang perlu dimiliki oleh pengetua untuk menjadikannya seorang pemimpin yang efektif iaitu:

- \* Pertama: Pengetua haruslah berwawasan dan jelas tentang matlamat yang hendak dicapai oleh organisasinya serta berkeupayaan pula menjelaskan kepada orang yang dipimpinnya. Maknanya, pengetua itu mestilah seorang perancang yang berkesan dan memiliki kecekapan merangka strategi, mengemudi dan mengarah proses persekolahan yang berkesan supaya benar-benar dapat menjamin pencapaian misi dan matlamat pendidikan yang tersurat dan tersirat.

- \* Kedua: Pengetua adalah *principal teacher* dan *pedagogical leader*. Secara idealnya pengetua perlu mempunyai kemahiran *instructional* yang tinggi supaya dapat memberi bimbingan yang efektif dalam aspek pengajaran.

- \* Ketiga: Pengetua perlu memiliki keupayaan berkomunikasi dengan baik dan berfikiran reflektif, kreatif, konstruktif dan berupaya mencetuskan pemikiran ahli-ahli organisasinya. Beliau juga perlu mempunyai kemahiran sebagai kaunselor dan pengurus yang cekap.

- \* Keempat: Pengetua harus memiliki kemahiran diplomasi dan daya penarik yang boleh meraih sokongan dan menggalakkan penglibatan ibu bapa serta komuniti setempat dalam meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah.

Dalam aspek ini, pengetua harus mempraktikkan konsep 'ibu bapa sebagai rakan kerja di sekolah'.

- \* Kelima: Pengetua harus bersifat terpuji iaitu bercirikan insan cemerlang, bijak memimpin, berakhlak, mempamerkan teladan yang baik dan berketerampilan.

Kemahiran yang disebutkan Najib ini, tidak akan datang sendiri atau melalui proses biasa menerusi pengalaman mengajar di kelas. Ia seperti kata Najib, "diperoleh oleh seseorang melalui pembelajaran, latihan dan pengalaman".

Sebab itu, mungkin seorang pengetua pada masa depan akan mencapai tahap pendidikan sehingga ijazah kedoktoran di mana kini jumlah yang memiliki kelulusan setinggi itu adalah kecil. Bagaimanapun, ciri-ciri dan kemahiran yang disebutkan oleh Najib itu bukannya tidak ada di kalangan pengetua yang ada sekarang, "cumanya ia kurang menyerlah," kata Mohd. Taib. "Jadi kita hendak tingkatkan penyerlahan itu."

Bagi Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr. Abdul Shukor Abdullah pula, ciri dan kemahiran yang disebutkan oleh Najib itu sangat perlu ada pada seseorang pengetua.

Ini kerana sekolah negara ini akan bergerak kepada sekolah bestari yang memerlukan kekayaan tindakan dan pemikiran berasaskan inisiatif setempat dan tidak terikat dengan kawalan dari pusat.

**Oleh: ZULKIFLI HAMZAH**

Artikel Penuh:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1998&dt=0924&pub=utusan\\_malaysia&sec=Rencana&pg=ot\\_05.htm#ixzz2vo0y1DtG](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1998&dt=0924&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=ot_05.htm#ixzz2vo0y1DtG)

© Utusan Melayu (M) Bhd